

ETIKA PERSEKOLAHAN SEMASA PERINTAH KAWASLAN PERGERAKAN PEMULIHAN 2020

1. Pelajar yang tidak sihat dan bergejala (batuk atau selsema) **TIDAK** digalakkan hadir ke sekolah. Pelajar perlu mendapatkan rawatan di klinik atau hospital.
2. Semua pelajar yang hadir ke sekolah **MESTI** membuat saringan suhu badan sebelum masuk ke kelas. Suhu badan **37.5° C** dan lebih **TIDAK** dibenarkan masuk ke kelas.
3. Tempat saringan suhu badan di pintu masuk utama. Selepas saringan suhu semua pelajar dikehendaki melaporkan kepada guru pencatat dengan menyebut nombor bilangan dan nilai suhu, di Foyer dewan Ibnu Khaldum (Tingkatan Enam, Tingkatan Tiga, Tingkatan Satu dan Tingkatan Empat) dan dataran Tarbiyah (Tingkatan Dua, dan Tingkatan Lima)
4. Selepas melapor nilai saringan suhu para pelajar **MESTI** mencuci tangan dengan cecair pensanitasi, kemudian bergerak ke kelas mengikut arah yang ditetapkan. Pelajar digalakkan membawa sendiri cecair pensanitasi tangan.
5. Pelajar dinasihatkan supaya sentiasa memakai pelitup muka semasa masuk ke kawasan sekolah. Pelitup muka disediakan oleh pelajar sendiri.
6. Pelajar **MESTI** berada di tempat duduk yang telah dilabelkan di dalam kelas masing-masing. Pelajar **DILARANG** mengubah susun atur perabot di dalam kelas
7. Semua pergerakan di dalam kawasan sekolah **MESTI** mengikut penunjuk arah yang disediakan. Pergerakan ke tempat yang tidak berkaitan dengan pembelajaran dan makan minum tidak dibenarkan.
8. Pelajar mesti membawa sendiri semua peralatan pembelajaran dan **dilarang** meminjam peralatan pembelajaran daripada rakan.
9. Pelajar dinasihatkan tidak menyentuh apa-apa permukaan yang tidak berkait dengan pembelajaran.
10. Pelajar perlu sentiasa menjaga kebersihan dan kesihatan diri serta sangat digalakkan kerap mencuci tangan
11. Pelajar boleh membeli makanan dan minuman di kantin (secara bungkus) dan makan di tempat duduk masing-masing di dalam kelas. Dinasihatkan membawa bekal sendiri untuk lebih selesa. Pelajar juga diminta membawa sudu dan garfu sendiri (plastik). Kebersihan kelas tanggungjawab bersama.
12. Penggunaan tandas terhad kepada **EMPAT** orang pada satu-satu masa..
13. Pelajar dikehendaki membawa sejadah sendiri untuk solat.
14. Lawatan daripada ibu/bapa/penjaga tidak dibenarkan. (Pelajar asrama)
15. Pelajar yang memandu kereta dikehendaki meletakkan kereta berhampiran asrama
16. Pelajar yang menunggang motosikal dinasihatkan tidak membawa pembonceng.
17. Kelas hendaklah dibersihkan selepas waktu pembelajaran. Semua kerusi diletakkan di atas meja.
18. Pelajar yang belajar di Blok Perpustakaan hendaklah naik ke bangunan menggunakan tangga berhampiran kolam dan turun menggunakan tangga sebelah perpustakaan.

19. Para pelajar yang belajar di Blok C (Tingkatan Dua dan Tiga) hendaklah menggunakan laluan antara bilik guru dan dewan untuk ke kelas. Ikut dan patuhi arahan pergerakan yang dilabelkan. Pelajar akan naik ke bangunan menggunakan tangga berdekatan tandas lelaki dan turun menggunakan tangga berdekatan bilik buku teks.
20. Selepas membeli di kantin semua pelajar yang belajar di Blok C mesti Kembali ke kelas menggunakan laluan semasa datang ke sekolah (melalui hadapan bengkel)
21. Pelajar yang belajar di Blok Perpustakaan, selepas membeli di kantin hendaklah kembali ke kelas menggunakan laluan hadapan dewan.
22. Kedudukan pelajar di dalam kelas bagi Tingkatan Dua dan Tiga KEKAL seperti asal. Kedudukan pelajar Tingkatan Satu ada sedikit perubahan. Sila rujuk laman web sekolah.
23. Lokasi kelas Tingkatan Dua dan Tiga juga kekal seperti asal. Sedikit perubahan untuk Tingkatan Satu. Tingkatan 1 Al-Kindi diletakkan di Bilik sebelah 1 As-Shafie, bangunan tepi kantin. Tingkatan 1 Al-Khawarizmi di Bilik berhampiran tandas, aras tiga Blok Pejabat. Tingkatan Satu yang lain kekal. Tingkatan 2 An-Nasaei ditempatkan di Bilik Tayang.

#KitaJagaKita